

24 JUL 1997

Mahathir-Mata Wang

ASEAN MUNGKIN PERKENAL UNDANG-UNDANG SEKAT SPEKULASI MATA WANG: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Asean mungkin menimbang menggubal undang-undang untuk menyekat serangan spekulatif terhadap mata wang rantau ini.

"Pada permulaannya, kita perlu mempunyai pendirian bersama bagaimana menghadapi isu ini dan jika ada keperluan untuk menggubal undang-undang berhubung mata wang kita, kita perlu berbuat demikian.

"Asean sedang meninjau bidang-bidang yang boleh diadakan kerjasama itu," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan Mesyuarat Ke-30 Menteri-Menteri Asean (AMM), dekat sini.

Walaupun belum ada tindakan pasti dikenalpasti untuk mengatasi masalah itu, Dr Mahathir berkata pada umumnya Asean akan menggunakan semangat kerjasama untuk menentang serangan spekulatif itu.

"Pastinya dengan bekerjasama kita boleh mempertingkatkan kekuatan dan seterusnya menghadapi masalah seumpama itu yang amat biasa kepada kita," katanya.

Ketika menyeru supaya diperteguhkan kerjasama antara bank-bank pusat Asean, Dr Mahathir berkata walaupun pada masa kini tahap kerjasama itu mencukupi, ia boleh dipertingkatkan.

Semasa ditanya sama ada Malaysia merancang untuk mencadangkan usaha bersepadu mengenai perkara itu, beliau berkata: "Kita sudahpun mempunyai kerjasama atau peraturan tetapi tidak mencukupi dan cukup berkesan untuk mengatasi keadaan yang dihadapi sekarang."

Mahathir berkata asas ekonomi yang lemah mungkin bukan punca pembiayaan spekulatif untuk menekan mata wang Asean, tetapi motif mencari keuntungan boleh dijadikan sebab.

"Masalah seperti kelembapan eksport dan pinjaman pembelian hartanah secara berlebihan boleh berlaku di mana-mana negara tetapi saya tidak akan katakan yang asas kita tidak baik ... malahan, perjalanan kebanyakan syarikat Asean lebih baik berbanding syarikat-syarikat di Eropah," katanya.

Semasa ditanya siapakah spekulator yang terbabit, Dr Mahathir berkata: "Saya percaya anda semua tahu apa maknanya sebagaimana yang saya tahu. Saya tidak akan mendedahkan nama mereka."

Perdana Menteri dalam ucaptamanya pada persidangan itu, mengingatkan rakan-rakannya dalam Asean mengenai satu usaha terancang untuk menggugat kestabilan ekonomi anggota-anggota kumpulan itu dengan melemahkan mata wang mereka.

Sambil mengecap spekulator-spekulator mata wang itu sebagai "penyangak" dan serangan mereka sebagai "rompakan", beliau berkata rakan-rakan Asean perlu menilai semula kedudukan mereka dalam sistem pasaran ekonomi terbuka dan dunia tanpa sempadan.

Kepada satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata kerjasama ekonomi Asean tidak akan dijadikan satu blok perdagangan.

"Kita tidak mahu menjadi satu blok perdagangan. Kita berulang kali menjelaskan bahawa kita bukannya satu blok perdagangan tetapi kita menikmati keistimewaan tertentu di kalangan anggota Asean."

Katanya peraturan mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) akan mengurangkan duti import antara negara-negara Asean tetapi tidak akan memaksakan sebarang syarat terhadap anggota-anggotanya dalam berdagang dengan negara-negara lain.

"Jadi bukannya niat kami untuk menjadi satu blok perdagangan," katanya.

-- BERNAMA
AD AHH